

12 MAY 1996

Mahathir-Teleport

DR MAHATHIR PENGUCAP UTAMA DI PERHIMPUNAN TELEPORT SEDUNIA

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan pengucap utama di pembukaan perhimpunan tahunan Persatuan Teleport Sedunia (WYA) di sini, esok.

Beliau dijangka menyampaikan ucapan peringatan pada sebelah tengah hari di hadapan 1,000 peserta termasuk 200 peserta dari luar negara di permulaan perhimpunan empat hari itu di Pusat Pameran Antarabangsa Tokyo.

Teleport ialah kemudahan telekomunikasi bersepadu yang menyediakan penggunaanya laluan mudah dan cepat kepada telekomunikasi canggih jarak dekat dan jarak jauh melalui satelit, fiber optik, gelombang mikro dan rangkaian lain.

WYA pula ditubuhkan 12 tahun lepas dan mempunyai 110 anggota yang terdiri daripada pertubuhan kerajaan dan korporat yang terbabit dalam pembangunan teleport.

Dalam satu keterangan ringkas di buku cenderamata perhimpunan itu, Dr Mahathir dianggap sebagai sangat aktif di pentas dunia dan dihormati kerana kepimpinannya di Asia dan seluruh dunia.

Ucapan peringatan itu juga menandakan permulaan lawatan kerja Dr Mahathir selama enam hari ke ibu negara Jepun itu. Beliau dijangka tiba di situ pagi esok.

Seorang pegawai perhimpunan itu berkata, masa selama sejam telah diatur untuk Dr Mahathir berucap dalam bahasa Inggeris yang akan diterjemahkan kepada bahasa Jepun dan Perancis.

Antara peserta lain dalam perhimpunan itu ialah Menteri Pos dan Telekomunikasi Jepun, Ichiro Hino, Pengerusi Emeritus WTA Tadayoshi Yamada, Gabenor Tokyo Yuko Aoshima.

Ucapan Dr Mahathir akan disusuli dengan ucapan dasar Pengerusi Tokyo Electric Power Company Inc. Sho Nasu, yang juga mengetuai Majlis Telekomunikasi Kementerian Pos dan Telekomunikasi Jepun.

Persidangan teleport itu yang juga dikenali sebagai "Teleport 96" disokong oleh syarikat-syarikat besar dan ternama dari Jepun dan agensi-agensi kerajaan. Pengerusi jawatankuasa penganjurnya ialah Dewan Perniagaan dan Industri Tokyo, Kosaku Inaba.

Dr Mahathir juga akan melawat "Tokyo Business Show '96" dan Bangunan Tokyo Teleport selepas ucapan itu. "Tokyo Business Show" diadakan serentak dengan persidangan teleport itu dan ia merupakan pameran terbesar mengenai teknologi pejabat, pemerosesan maklumat dan komunikasi.

Perdana Menteri mengambil minat dan banyak berusaha dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat telekomunikasi serantau. Beliau merupakan Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC).

Konsep teleport sedang dipertimbangkan untuk Putrajaya, iaitu pusat pentadbiran baru bagi kerajaan pusat yang akan dilengkapi dengan kemudahan teknologi terkini dan infrastruktur.

Semasa lawatannya ke Tokyo, Dr Mahathir juga dijangka menyampaikan ucapan dasar di projek Koridor Super Multimedia Malaysia tajaan Nippon Telegraph and Telephone Corporation dan di persidangan antarabangsa mengenai masa depan Asia anjuran Nihon Keizai Shimbun.

Beliau juga akan melawat beberapa industri pembinaan termasuk Isuzu Motors Ltd dan Kawasaki Steel Corporation. -- BERNAMA

TCL PR